

WASILAH TEROMBA DALAM KEPIMPINAN ADAT PERPATIH

Badrul Hisham Bin Ghazali
Universiti Melaka

Corresponding Author's Email: badrul69@ymail.com

Article history:

Received : 1 Oktober 2022

Accepted : 10 November 2022

Published : 31 December 2022

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan memperkenalkan Wasilah Teromba Dalam Kepimpinan Adat Perpatih. Teromba yang diwarisi sejak berzaman secara lisan oleh penutur dan bertulis memperlihatkan perspektif teromba selari dengan nilai-nilai Islam. Teromba bermaksud perbilangan adat atau kata adat dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kepimpinan Adat Perpatih merujuk kepada pelaksanaan Adat Perpatih bersandarkan wasilah dalam teromba yang menjadi tunjang yakni adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah, syarak mengata, adat memakai. Makna tersirat yang dianalisis berdasarkan teromba menyampaikan maksud tersirat daripada maksud semantik yang melibatkan teks sistem sosial Adat Perpatih di empat luak adat serta temu bual. Kajian ini juga diharap dapat membetulkan tanggapan falsafah Adat Perpatih ‘biar mati anak, jangan mati adat’ dalam pemahaman sebenar. Wasilah teromba dalam kepimpinan juga merungkai konsep adat, adab, muafakat dan budi dalam kepimpinan Adat Perpatih.

Kata Kunci: Wasilah, Teromba, Kepimpinan dan Adat Perpatih.

WASILAH TEROMBA IN LEADERSHIP SYSTEM OF ADAT PERPATIH

ABSTRACT

This article aims to introduce Wasilah Teromba in leadership system of Adat Perpatih (Matrilineal Custom). Teromba which has been transmitted from generation to generation orally and in writing is in line with the Islamic values. Teromba means the customs in a community that practices Adat Perpatih in Negeri Sembilan. The leadership system of Adat Perpatih refers to the implementation of Adat Perpatih based on wasilah teromba which is the customs based on law, law based on kitabullah (the book of Allah), syarak mengata, adat memakai (A custom that is not in accordance with God's law and is not in accordance with the state of the time is not worth defending, because the custom must be subject to the Sharia law). Implied meaning that was analysed based on teromba, was

conveyed from semantic meaning involving the social system of Adat Perpatih in four regions affected by Adat Perpatih in Negeri Sembilan as well as interviews. This study is also expected to correct the impression towards Adat Perpatih philosophy ‘biar mati anak, jangan mati adat’ (let the child die, not the custom). Wasilah teromba in leadership also unravels the concept of custom, manner, consensus and virtue in the leadership system of Adat Perpatih.

Keywords: Wasilah, Teromba, Leadership and Adat Perpatih.

PENGENALAN

Wasilah membawa pengertian bukan hanya hubungan dengan pencipta sebaliknya satu ikatan yang kukuh dapat dijalankan dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih khususnya barisan kepimpinan yang sewajarnya meletakkan agama Islam mengatasi segala-gala. Ini bertepatan dengan Surah al- Ma’idah.‘Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah wasilah (jalan) untuk mendekatkan diri kepada-Nya, dan berjihadlah (berjuanglah) di jalan-Nya agar kamu berjaya.’ (Terjemahan Surah al-Ma’idah ayat,35).

Manakala teromba sebagai perbilangan adat diperturunkan merupakan satu perhubungan terdahulu mewariskan amanat atau pedoman merungkai tentang kehidupan dalam bermasyarakat yang termaktub dalam Adat Perpatih. Perhubungan yang dimaksudkan merupakan ikatan dan pertalian yang nyata sebagai ilmu yang dituntut oleh manusia merupakan jalan untuk mengenal Allah. Maka bertepatan teromba itu sendiri menjadi satu wasilah yang terkandung di dalamnya hubungan sesama manusia dan hubungan dengan pencipta yakni Allah SWT.

Kepimpinan dengan pendekatan Uslub adalah kaedah berinteraksi dengan manusia di dalam Islam merupakan proses berinteraksi dengan fitrah kemanusiaan. Sama ada dalam bentuk pengucapan langsung dengan perkataan atau secara tidak langsung dengan qudwah, berdasarkan manhaj dan wasilah-wasilah yang khas, ke arah menghasilkan perubahan di dalam diri insan kepada yang lebih baik. Qudwah memberi contoh teladan yang baik yang boleh diikuti dan manhaj iaitu garis panduan yang sistematik, jelas dan berperancangan yang dibentuk secara terperinci membentuk kehidupan yang penuh ketamadunan menurut Islam.

Ini bertepatan dengan sistem adat perpatih menjadikan suatu peraturan hidup berteraskan keharmonian berdasarkan prinsip baik dipakai dek muafakat, buruk dibuang dek rundingan bersandarkan empat bahagian teras iaitu adat sebenar-benar adat termasuk hidup bersuku mengira keturunan dari nasab ibu, perwarisan harta pusaka. Adat yang diadatkan seperti peraturan yang diamalkan dibuat hasil perundingan atau pemuaafakan antara ketua-ketua adat seperti buapak, lembaga, undang atau penghulu. Adat yang teradat iaitu perkara yang menjadi kelaziman dalam kehidupan manusia seperti hormat kepada ibu bapa, pemimpin dan masyarakat sekeliling. Manakala adat istiadat hiasan atau tambahan kepada teras ketiga bahagian tadi seperti peraturan nikah kahwin, bersanding, adat berinai dan peraturan kemasyarakatan dan juga kematian.

MEMAHAMI TEROMBA

Teromba merupakan susunan undang- undang adat yang menerangkan perbilangan Adat Perpatih menerusi pengucapan. Teromba merupakan kesusasteraan tradisional bukan sahaja kerana bentuk luarannya tetapi falsafah dan nilai yang terkandung, digunakan dalam pengacaraan majlis termasuk berkaitan adat istiadat seperti majlis pertunangan dan perkahwinan. Teromba juga dianggap hasil karya bahasa dan kesusasteraan yang melambangkan keutuhan bangsa.

Perbilangan adat menerusi teromba menggambarkan jati diri Melayu yang bertunjangkan falsafah dan pemikiran serta pegangan hidup masyarakat. Fungsi perbilangan adat adalah seperti gambaran kepercayaan, nilai dan pegangan hidup masyarakat, gambaran perlakuan dan tingkah laku, huraian dan perincian terhadap undang-undang dan peraturan yang mesti dipatuhi. Perbilangan adat ialah pemikiran masyarakat Melayu yang menunjukkan semangat kerjasama dan kesepakatan demi

kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. Masyarakat Melayu yang mengamalkan Adat Perpatih khasnya di Negeri Sembilan mementingkan etika kehidupan bermaruah dan saling menyayangi nilai pekerti yang murni. Hubungan kekeluargaan dengan memperlihatkan tanggungjawab ahli keluarga berlandaskan perbilangan adat dan fungsi teromba sebagai saluran komunikasi penyelesaian masalah.

*Sesusun bak sirih
serimbun bak serai
seharta sebenda
sepemand sepakuburan
sehina semahu
malu seorang, malu semua.*

(Mohd Rosli Saludin: Komunikasi Teromba)

Teromba merupakan komunikasi berseni yang digunakan menyampaikan wasilah berbentuk kiasan, sindiran yang sarat dengan falsafah kehidupan berselari dengan syarak. Bertepatan dengan syariat orang Melayu yang bersopan santun mengikut ajaran agama Islam.

Harun Mat Piah (1989) mengkategorikan teromba sebagai sebuah puisi Melayu tradisional, mengkhusus kepada definisi, struktur dan fungsi teromba. Beliau menjelaskan bahawa perkataan teromba digunakan sebagai istilah teknik bagi satu jenis puisi yang daripada segi bentuknya tergolong sebagai puisi bebas (sama seperti talibun dan puisi berirama) dan mungkin mengandungi bentuk yang lain (umumnya pantun), tetapi isi dan fungsinya merujuk kepada satu bidang yang tetap iaitu adat. Teromba dalam masyarakat sebagai teguran mendidik menyampaikan sindiran dan maksud tertentu bertujuan agar yang kena sindir atau yang kena nasihat itu tidak terlalu berasa hati dapat menerima pedoman yang diberi dalam teromba tersebut..

Penggunaan kata bidalan dan tamsil ibarat menerusi teromba bukan sahaja mengandungi nasihat dan pendidikan turut melambangkan pemikiran falsafah yang tinggi yang disampaikan dalam dialek Negeri Sembilan. Peristiwa alam yang berlaku adalah kaedah seni berteromba untuk mengajak masyarakat berfikir secara perlambangan, berfikir melalui kaedah pengamatan fenomena alam, secara rasional dan keluhuran budi sebagai peringatan.

*Bak panas dalam belukar
tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan
mana bumi dipijak
di situ langit dijunjung
di mana air disauk
di situ ranting di patah*

(Mohd Rosli Saludin: Komunikasi Teromba)

Teromba telah diwarisi sejak turun temurun yang merupakan kesatuan fikiran masyarakat Melayu dan berfungsi sebagai medium penyampaian fikiran, perasaan, serta wadah komunikasi termasuk dalam

kepimpinan Adat Perpatih. Menerusi teromba alam terbentang luas digunakan untuk mencetuskan pemikiran, falsafah, peraturan dan hukum kehidupan.

*Penakik pisau seraut
ambil galah batang lintabung
selodangnya jadikan nyiru
air setitik jadikan laut
tanah sekepal jadikan gunung
di alam nan dah berkembang jadikan guru.*

(Talib Ariffin: Teromba dalam Puisi Melayu Tradisional)

Tunjang Adat Perpatih antaranya nilai budi dapat diteliti dalam kesemua perbilangan adat berhubungan dengan budaya menjadikan asas kehidupan masyarakat. Sistem kemasyarakatan yang telah diamalkan ini lengkap mengandungi sistem kekeluargaan, sistem politik, sistem ekonomi, sistem hukum, dan sistem perlapisan menjadi wasilah perhubungan mengandungi peraturan dan hukum, berperanan sebagai kawalan sosial untuk membentuk perilaku dan nilai kemanusiaan. Nilai estetika melalui unsur pengulangan, perlambangan dan perbandingan dan diksi dalam teromba menjamin pembentukan masyarakat unggul dengan ciri-ciri bersatu-padu, kasih sayang dan penyayang sesama masyarakat.

WASILAH DALAM TEROMBA

Dari sudut bahasa, Wasilah bermaksud ikatan, perhubungan, pertalian, apa yang jelas dan nyata ialah ilmu yang dituntut oleh manusia hanyalah sebagai jalan untuk mengenal Allah (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP 2021)

Memahami maksud wasilah membawa pengertian bukan hanya hubungan dengan pencipta sebaliknya merupakan satu ikatan yang kukuh yang dapat dijalankan. Dalam konteks teromba sudah semestinya ikatan generasi terdahulu diwariskan menerusi teromba secara tidak langsung. Perhubungan yang tidak putus diperturunkan sebagai satu ingatan dan panduan kepada generasi terkemudian. Jelaslah wasilah itu satu pertalian turun temurun dalam tradisi lisan melalui kesusastraan Melayu yang amat halus penyampaiannya sebagai satu bidang ilmu yang tidak lari dari tuntutan agama Islam dalam masyarakat Melayu.

Berdasarkan pengucapan teromba, masyarakat telah dididik dalam semua aspek kehidupan menerusi kepimpinan Adat Perpatih. Wasilah dalam teromba adalah pendekatan pembangunan insan, masyarakat dan negara melahirkan masyarakat cemerlang dan sejahtera telah dipupuk menerusi pengucapan teromba. Kepimpinan berpandukan ilmu yang betul dan fakta yang tepat, saksama dalam memutuskan pendirian tanpa sentimen kecenderungan kebencian, hasad dengki yang melonggarkan sendi-sendi syarak di dalam beragama.

*Makan sirih berpinang tidak
sirih datang Masjid Tanah
makan sirih mengenyang tidak
sama-samaalah kita mamah
adat dipakai baharu*

*kain dipakai usang
usang-usang diperbaharui
lapuk-lapuk dikajangi
kok panjang dipotong
kok pendek disambung
kok koyak ditampal
kok tiris dibetulkan
kok tojon dari langit
sama-sama kita tumpung
kok memancut dari bumi
sama-sama kita pijakkan.*

(Mohd Rosli Saludin: Komunikasi Teromba)

Wasilah teromba yang diperturunkan mengikut ajaran Islam mendidik dan membimbing ke arah hidup yang sempurna berlandaskan hukum-hakam agama. Selain itu wasilah teromba berupaya memperihalkan nilai dan pegangan prinsip yang diamalkan dalam semua kehidupan masyarakat yang mengamalkan adat dan berfungsi sebagai garis panduan adat yang diterima oleh anggota masyarakat Adat Perpatih.

*Alam Beraja
luak berpenghulu
suku berlembaga
anak buah berbuapak.*

*Berumpun bak serai
berlopak bak sawah
beruang bak durian
Bersuku-suku anak buah
adat datar pusaka satu.*

(Mohd Rosli Saludin)

Akal yang dibimbing oleh hikmah membolehkan seseorang memberikan manfaatnya kepada manusia seluruhnya manakala hikmah akan melahirkan sifat berani. Begitu juga nafsu yang dikawal oleh hikmah membolehkan seseorang menjadi beradab, merendah diri dan tidak mudah ditundukkan oleh kehendak diri. Ini amat jelas menunjukkan bahawa wasilah itu sendiri merupakan satu cerminan bagi keadilan yang menjadi tonggak dalam budaya masyarakat Melayu yang mengamalkan Adat Perpatih.

PENYATAAN MASALAH

Sesebuah masyarakat memerlukan kepimpinan yang disenangi bagi melaksanakan perubahan. Wasilah teromba dapat menyelesaikan masalah sosial dan adat istiadat Adat Perpatih yang pasti timbul mengikut peredaran zaman. Konsep kepimpinan sebagai proses interaksi di antara pemimpin dan masyarakat memenangi hati masyarakat untuk menjadi seorang pemimpin yang berkesan. Wasilah teromba menyatakan dengan jelas bahawa susunan kekuasaan dan kedudukan politik dijelmakan dalam bentuk perbilangan adat khususnya masyarakat di Negeri Sembilan. Peraturan tersebut termaktub dalam teromba atau perbilangan adat yang merupakan perlombagaan, undang-undang yang mengandungi garis panduan tentang tugas dan tanggungjawab setiap ketua dan struktur kepimpinan masyarakat.

*Kunci alam kepada raja
kunci luak kepada penghulu
kunci suku kepada tua
kunci waris kepada pusaka
kunci anak buah kepada buapak
kunci orang semenda kepada tempat menda
kunci bini kepada laki
kunci anak kepada emak
kusut menyelesaikan
cicir memungut hilang mencari
hutang membayar piutang menerima
oleh tempat semenda.*

(Hashim Rauh, dalam Mohd Rosli Saludin)

Pemimpin dalam masyarakat yang dilantik bertanggungjawab terhadap kepercayaan yang diberi. Semua permasalahan diadili dengan saksama dan adil tanpa mengira status sosial (darjah) seperti yang dinyatakan dalam teromba. Wasilah teromba merupakan asas kepada peraturan dengan pertimbangan yang wajar, Pemimpin yang terpilih ditegaskan agar adil dan menjatuhkan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya walaupun pesalah itu ialah ahli keluarganya sendiri . Kepimpinan harus bertindak menyelesaikan krisis yang berlaku dalam kalangan anak buah dengan cara yang halus dan tinggi nilai budinya tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Kepimpinan perlu memahami dan menghayati perbilangan adat dengan bijaksana. Wasilah teromba dalam kepimpinan adat perpatih menyuntik elemen keberhasilan yang tinggi dalam mencari penyelesaian penyataan masalah yang berlaku.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sekelompok masyarakat sering bantu-membantu atau bergotong royong bagi melakukan sesuatu pekerjaan yang berat dan aspek kehidupan yang lain seperti pada waktu sakit atau waktu senang. Masyarakat yang bersatu padu terikat dengan sendirinya peraturan yang ketat dan kukuh demi untuk menjamin perpaduan dalam kalangan mereka dan mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. Teromba menjadikan landasan adil, terbaik, sederhana, seimbang dan pertengahan yang telah wujud

dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan sekian lama digambarkan dalam susunan kata-kata indah seperti perbilangan adat

Bagi melaksana peraturan yang terikat dengan sendirinya yang telah wujud dalam masyarakat Melayu tradisional maka peraturan tersebut diberi pengertian sebagai satu perbilangan adat yang mengandungi ciri-ciri kepercayaan yang mengkehendaki setiap anggota masyarakat mematuhi. Ini adalah bertujuan mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang mengamalkan adat perpatih. Maka timbulah kata-kata yang menyanjung peraturan adat seperti '*biarlah mati anak jangan mati adat*' (Ismail Hamid,1988). Masyarakat Melayu Tradisional terdidik dengan peraturan adat yang ketat yang dipatuhi tanpa dipersoalkan seperti kata-kata peribahasa. '*Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan*'. Pertautan adat dalam masyarakat melalui teromba yang menjadi rupa jiwa masyarakat tersebut.

*Langit dah runtuh
bumi dah tobani
nasi dah menjadi bubur
sesal dahulu pendapatan
sesal kemudian tidak berguna.*

Teromba diwarisi tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat itu sendiri. Pengarang harus mempunyai daya cipta yang tinggi untuk menyusun jalan cerita dengan rangkap-rangkap tersusun. Teromba itu lahir melalui tradisi lisan bukan tulisan menjelaskan bahawa unsur keindahan dalam penciptaan teromba diperkuuh dengan pantun Melayu dalam bentuk bunyi. Elemen tekanan pada rima akhir adalah ciri yang penting bagi pantun dan syair yang turut termuat dalam teromba. Bagi menikmati keindahan pengucapan teromba diperlukan juga gambaran perlambangan yang dapat dibayangi menerusi akal fikiran seperti unsur-unsur kiasan, perbandingan dan perumpamaan.

*Kok alim minta doanya
kok rajin minta kerjanya
kok kaya minta ringgitnya
kok cerdik minta berunding
kok bodoh disuruh arah.*

(Mohd Rosli Saludin: Komunikasi Teromba)

SKOP KAJIAN

Wasilah yang menjadi pegangan dalam teromba sejak sekian lama malahan sebat dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Pengkaji menggunakan buku *Teromba Sebagai Alat Komunikasi Dalam Kepimpinan Adat Perpatih* (Mohd Rosli Saludin. 2009), *Teromba dalam Puisi Melayu Tradisional* (Mohd Rosli Saludin .2000) dan *Teromba Sebagai Wahana Komunikasi Adat Melayu* (Mohd Rosli Saludin.2007) dan juga temu bual bersama tokoh ini dan juga tokoh-tokoh lain. Beliau merupakan Tokoh Warisan Orang Hidup meneruskan perjuangan memartabat seni teromba dan adat perpatih. (Berita Harian 22 Oktober 2018)

Kajian-kajian lepas berkaitan teromba dijadikan rujukan peringkat tesis Phd mahupun Sarjana. Jurnal-jurnal berkaitan adat perpatih dan teromba turut menjadi sumber rujukan. Kertas-kertas kerja, seminar atau perbengkelan berkaitan turut di rujuk dan dihadiri pengkaji bagi memantapkan pengetahuan dan pengalaman melihat sudut teromba dari kepelbagai dimensi.

Penubuhan Pusat Rujukan Peradaban dan Penyelidikan Ketamadunan Adat Perpatih Sedunia (PRADAKAPS), Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar Seremban Negeri Sembilan Malaysia, memudahkan penyelidikan memperolehi sumber yang tepat. Pengkajian juga diperkuuh dengan turun ke lapangan menemui generasi lama yang masih menghafal dan menutur teromba secara spontan pengucapannya mengikut kesesuaian majlis atau upacara. Pemilihan rujukan ini sebagai bahan kajian adalah wajar kerana ia dapat memberi gambaran hampir semua aspek kehidupan berunsur upacara, kegiatan seni dan berunsur pendidikan serta pengajaran.

OBJEKTIF KAJIAN

Wasilah teromba diketengahkan sebagai satu saluran mendidik masyarakat dan menjadi pedoman dalam kepimpinan adat perpatih. Estetika dalam teromba sebagai wasilah mendidik kearah kebaikan termasuk dalam soal kepimpinan. Kekayaan budi bahasa yang turut menjadi teras dalam Adat Perpatih selari batas syarak dan syariat menjadi petunjuk kepada kepimpinan. Cerminan wajah sebenar keluhuran budi dalam Adat Perpatih sebagai gambaran kepada masyarakat terserlah melalui wasilah teromba dan masih relevan sebagai ikutan dalam kepimpinan.

Ada sama rasa

sikit sama banyak

bekerja sama berhenti

letih sama duduk

dapat banyak buleh berumpuk

dapat sikit padakan bercecah

yang terserak pungut

yang terbenam gali

yang terimbun kokeh

sabar sentiasakan

syukur kekalkan.

(Mohd Rosli Saludin: Komunikasi Teromba)

Nilai pendidikan dan pengajaran yang terdapat dalam teromba mencakupi segenap kehidupan harus diketahui mendasari objektif kajian.

PERSOALAN KAJIAN

Masyarakat Melayu Negeri Sembilan mengetahui bahawa pemikiran dalam teromba bukanlah sesuatu yang baru, tetapi telah menjadi amalan dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih sejak dahulu. Berlaku perlanggaran adab dan budaya yang telah ditetapkan berlandaskan syarak dan hukum syariat menyebabkan masyarakat mula tergelincir daripada kesusilaan kehidupan yang menjadi garis pedoman terutama dalam soal kepimpinan yang harus kukuh. Berbudaya sopan dan berbudi pekerti mulia merupakan teras dalam adat perpatih memberi pendidikan dan pengajaran sebenarnya adalah tunjang kepada kesempurnaan kehidupan yang tidak dapat dipisahkan seperti ungkapan ‘*sepakat membawa berkat*’. Persoalan masyarakat serta kepimpinan harus ditonjolkan selain memberi kefaamanan kepada generasi kini.

*Mencari kata muafakat
merokok barang yang kurang
mengulas mana yang senteng
menghubung yang pendek
berat sama dipikul
ringan sama dijinjing
yang tidak ada sama cari
sama sakit sama senang
ke bukit sama mendaki
ke lurah sama menuruni
sama menghayun sama melangkah
jika khabar baik diberitahu
jika khabar buruk serentak didatangi
jika jatuh ingat mengingati
jika dekat temu-menemui
dapat sama laba
hilang sama rugi.*

(Harun Mat Piah, 1989)

KAJIAN LEPAS

Teromba adalah lambang pemikiran orang Melayu dan sesuai dengan kemajuan yang dicapai oleh manusia dalam bidang teknologi maklumat menurut Harun Mat Piah (2003). Manakala Mohd Rosli Saludin (2007) menegaskan sejak dahulu lagi telah diberi penekanan soal perbuatan menabur budi, membalsas budi dan berbudi tinggi dalam kehidupan seharian. Ini bertujuan untuk mendidik akal budi serta menerapkan nilai-nilai murni selari ajaran Islam tidak terhakis sepanjang zaman. Mohd Rosli Saludin (2009) menjelaskan bahawa pantun dalam teromba digunakan seluas-luasnya oleh masyarakat Melayu terdahulu dalam sebarang bentuk penggunaannya. Muhammad Haji Salleh dalam Nazel Hashim Mohamad (2013), menegaskan pantun dalam teromba adalah bentuk yang sangat luar biasa sehingga tiada suatu bentuk yang lain mampu menyerap ke dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Kesempurnaan struktur pada teromba adalah irama pada barisnya tidak dilihat terikat seperti sebuah gubahan gurindam bersesuaian wasilah yang terkandung mengangkat teromba sebagai wadah pendekatan keagamaan. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang diteliti, wasilah teromba belum ada penyelidikan khusus yang dibuat. Kajian ini akan menjadi rintis awal untuk mengkaji wasilah teromba.

KAEDAH KAJIAN

Kajian menggunakan teknik bacaan rapi dilakukan secara kualitatif dengan menghuraikan teromba yang terpilih serta berkaitan dengan kepimpinan Adat Perpatih.. Analisis teromba ini akan dikeluarkan untuk melihat wasilah teromba yang terkandung. Teromba terpilih dibuat pentafsiran untuk melihat maksud sebenarnya yang ingin dilontarkan oleh pencipta kepada masyarakat yang mengamal Adat Perpatih. Perbincangan kajian berkaitan wasilah teromba juga akan dibuat bersama

pakar-pakar dalam bidang berkaitan. Pengkaji turut membuat rujukan ke perpustakaan untuk menambah dan pengumpulan bahan-bahan rujukan.

TEORI DAN HIPOTESIS

Teksdealisme merupakan cantuman dari dua kata iaitu ‘teks’ dan ‘idealisme’, berhubung dengan keunggulan sesebuah teks. Gagasan awal teori ini bergerak dari sebuah pemikiran bahawa sesiapa yang ingin menghasilkan sesebuah karya, sudah tentu dalam fikirannya tertanam keazaman untuk menghasilkan yang terbaik dan unggul. Begitu juga dengan pengarang, sudah menjadi cita-cita seorang pengarang, untuk menciptakan sebuah karya kesusastraan yang unggul dan agung antaranya Teromba. Bagi merealisasikan sebuah teks yang unggul, seseorang pengarang itu harus ada sifat-sifat berani dan bijaksana.

Teori ini mengandungi empat prinsip, iaitu prinsip kehadiran, prinsip perlanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip keindividualisme. Falsafah Teori Teksdealisme juga menuntut pengarang melihat kembali pengalaman tradisi melihat khazanah yang mempunyai keintelektualisme pemikiran yang terpancar menerusi teromba yang sarat dengan pedoman melalui susunan kata-kata sebagai wasilah. Unsur keberanian dan perlanggaran menjadi prisip penting mengangkat darjah keunggulannya.

Jelaslah dua prinsip utama Teori Teksdealisme adalah prinsip kehadiran dan pelanggaran di mana prinsip kehadiran menjadi garis panduan yang mengangkat pengarang yang menghasilkan teromba dan masyarakat yang mengamal Adat Perpatih ke tahap unggul. Menerusi pengamatan persekitaran pengarang tentang apa yang berlaku merupakan unsur kehadiran yang dijelmakan menerusi teromba.

KEPENTINGAN KAJIAN

Wasilah teromba sebagai garis pedoman dengan unsur pedoman, pendidikan, pengajaran dan peringatan kepada masyarakat. Unsur alam dan kehidupan dijelmakan menerusi teromba yang dijadikan iktibar selari dengan ajaran Islam. Membina keperibadian masyarakat bukan sahaja pada zahirnya tetapi keperibadian dalaman menjadi penceran kehidupan untuk diteladani. Pengkajian sebagai usaha yang memberi impak kepada penyelesaian beberapa isu yang membekalkan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di dalam kehidupan termasuk kepimpinan. Peranan dan fungsi wasilah teromba wasilah difahami dengan maknawi masih lagi relevan dalam zaman yang serba mencabar ini menjadi ingatan kepada masyarakat yang telah mula melupai asal-usul mereka dan kebudayaan yang harus di pertahankan.

KESIMPULAN

Tumpuan kajian ini melihat bagaimana konsep dan definisi penggunaan wasilah teromba dalam kepimpinan dan penggunaanya dalam kehidupan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih. Menerusi teromba terdapat panduan serta pedoman dalam kepimpinan dan kemasyarakatan menepati ciri-ciri kualiti kepimpinan, konsep-konsep kepimpinan dan kekuatan kepimpinan dan masalah yang berkaitan kepimpinan. Peranan yang dimainkan dalam masyarakat melibatkan pelbagai perkara seperti budi, kaum perempuan, individu, masyarakat, ekonomi, undang-undang, falsafah, kekeluargaan dan kepimpinan yang akan dikaji secara mendalam hingga ke akar umbinya. Seterusnya melihat keberkesanannya wasilah teromba dalam jati diri masyarakat Melayu yang mengamalkan Adat Perpatih pada hari ini dan masa hadapan.

RUJUKAN

al-Quran.

- A.Caldecott. (1912). Paper on Malay Subject, Published By Direction Of The Committee For Malay Studies, Federated Malay States, Printed At The Federated Malay States Government Press.
- A. Rahman Razak & Sariah Meon. (1994). Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Jelebu. Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri dan Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Abas Ali. (1974). Sebahagian daripada Dasar Adat Perpatih. Kertas Kerja di Seminar Persejarahan Adat Perpatih. MBNS, 9 - 12hb April 1974, hlm. 6
- Abdul Karim Mansor. (2018). Analisis Pragmatik Teromba Adat Perpatih Berhubung Isu Pemecatan Undang Luak Johol ke-14. UPSI (Disertasi)
- Abdul Latif Abu Bakar. (2001). Adat Melayu Serumpun. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- Abd. Rahman Mohammad. (1964). Dasar-dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Aminudin Mansor. 2012. Akal budi Melayu dalam Pantun dan Sajak. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah. (1989). Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi..Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2003). Sastera Rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam: Satu Perbandingan. Ampang: Dawama Sdn Bhd.
- Harun Mat Piah. (2004). Puisi Melayu Tradisional: Nasihat Dan Pengajaran: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail Ahmad. (1998). Masyarakat Dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail Hamid, (1983), The Malay Islamic Hikayat, Monograf 1, UKM: Institut Bahasa, h. 19. Lihat juga R.Winstedt (1969), A History of Classical Malay Literature, Oxford: Oxford University Press, Edisi kedua, h. 135
- Ismail Hamid. (1987).Perkembangan Kesusastraan Melayu Lama. Selangor: Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. (2005). Budi Bahasa Budaya Kita. Kuala Lumpur.
- Manu Sikana. (2012). Teori Dan Kritikan Sastera Malaysia. Bangi Selangor: Pustaka Karya.
- Mohd Daud Mohamad. (1987). Tokoh-tokoh Sastera Melayu Klasik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Rosli Saludin. (2000). Teromba: Kajian Tema, Nilai dan Estetika. Bangi: Penerbit Irwan.
- Mohd Rosli Saludin. (2007). Mencari Pengertian Teromba.Bukit Mertajam: Goal Intelligent Publishing Sdn Bhd.
- Mohd Rosli Saludin. (2007). Nilai-Nilai Islam Dalam Teromba. Bukit Mertajam: Goal Intelligent Publishing Sdn Bhd.
- Mohd Rosli Saludin. (2009). Teromba Sebagai Alat Komunikasi Dalam Kepimpinan Adat Pepatih. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Mohd Taib Osman. (1975). Warisan Puisi Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. (1988). Bunga Rampai Kebudayaan Melayu.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nazel Hashim Mohamad (2013). Pantun Pak Nazel 2 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Pusat Rujukan Peradaban dan Penyelidikan Ketamadunan Adat Perpatih Sedunia (PRADAKAPS), Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar Seremban Negeri Sembilan Malaysia.